



**ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF  
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SME'S  
(AIJBES)**  
[www.aijb.es.com](http://www.aijb.es.com)



## **HUBUNGAN KOGNITIF, AFEKTIF DAN TINGKAH LAKU DENGAN KERJAYA KEUSAHAWANAN PELAJAR TAHUN AKHIR PRASISWAZAH**

*RELATIONSHIP BETWEEN COGNITIVE, AFFECTIVE AND BEHAVIORAL  
ATTITUDE WITH UNDERGRADUATE FINAL YEAR STUDENT'S  
ENTREPRENEURSHIP CAREER*

Ashlynzia Bantial<sup>1\*</sup>, Radin Siti Aishah Radin A Rahman<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: ashlynziabantial@gmail.com

<sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: radin@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 03.02.2021

Revised date: 18.03.2021

Accepted date: 24.03.2021

Published date: 31.03.2021

#### **To cite this document:**

Bantial, A., & Radin A Rahman, R. S. A. (2021). Hubungan Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Dengan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Tahun Akhir Prasiswazah. Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs, 3 (7), 120-134.

**DOI:** 10.35631/AIJBES.370010.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kerjaya keusahawanan semakin berkembang luas dan amat sesuai untuk diceburi kerana boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Namun demikian, kajian menunjukkan kebanyakkan pelajar menganggap bahawa bidang keusahawanan ini tidak dapat memberikan jaminan masa depan yang cerah dan lebih rela untuk memilih bekerja makan gaji. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan sikap kognitif, afektif dan tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan melibatkan 336 pelajar tahun akhir prasiswazah dari kampus induk Bangi serta soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang telah diadaptasi daripada pengkaji lepas. Data diproses menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) 23.0 melibatkan analisis secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapat tahap penerapan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku pelajar tahun akhir adalah sederhana serta tidak terdapat perbezaan pemilihan kerjaya keusahawanan diantara pelajar lelaki dan perempuan. Selain itu, kajian turut mendapat terdapat hubungan yang kuat diantara sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar tahun akhir prasiswazah. Kajian ini menunjukkan pelajar tahun akhir mempunyai kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan yang yang sederhana dan

boleh dipertingkatkan dengan penekanan kepada pembentukan sikap kognitif, afektif dan tingkah laku yang positif. Oleh itu, para pendidik keusahawanan perlu komited mendedahkan pelajar dengan aktiviti keusahawanan dan mengukuhkan pendidikan keusahawanan.

**Kata Kunci:**

Sikap, Kognitif, Afektif, Tingkah Laku, Kerjaya Keusahawanan

**Abstract:**

Entrepreneurship careers are increasingly widespread and well-suited for business as they contribute to the country's economic growth. However, studies show that most students think that the entrepreneurship field cannot provide a bright future and prefer to choose salary-based employment. Therefore, the study aimed to identify the relationship between cognitive, affective, and behavioral attitude with the entrepreneurship career choice among undergraduate final year students at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). This study uses a quantitative approach and the survey method involved 336 undergraduate final year students from Bangi main campus and the questionnaire was used as a research instrument adapted from the previous study. Data were processed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) 23.0 software which involved descriptive and inferential analysis. The results of the study show that the level of application of cognitive, affective, and behavioral attitudes as well as the level of the tendency of entrepreneurial career choice of final-year students is moderate and there is no difference in entrepreneurial career choice between male and female students. In addition, the study also shows that there is a strong relationship between cognitive, affective, and behavioral attitudes with entrepreneurial career choice and also found that cognitive, affective, and behavioral attitudes influence the entrepreneurial career choice of undergraduate final year students. The implication of this study shows that final year students have a moderate entrepreneurial career tendency and can be enhanced with an emphasis on developing a positive cognitive attitude, affective attitude, and behavioral attitude. Therefore, entrepreneurship educators should also be committed to exposing students to entrepreneurial activities and strengthening their entrepreneurial education.

**Keywords:**

Attitude, Cognitive, Affective, Behavior, Entrepreneurship Career

**Pengenalan**

Keusahawanan mampu membuka pintu peluang yang luas dan menjadi penyumbang terbesar dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara pada abad ke-21 ini (Ravi.N & Nor Aisyah, 2016). Seiring dengan aspirasi Malaysia untuk menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya generasi muda, kerajaan telah menggalakkan masyarakat untuk menjadi usahawan agar tidak mengharapkan bantuan bagi menyara kehidupan mereka (Noorizda Emellia Mohd Aziz, Norazman Harun, Maryam Mohd Esa, Mohd Rafi Yaacob, dan Anis Amira Ab.Rahman, 2018) dan mampu untuk bekerja sendiri (Farliyanna Rahimi dan Nor Aishah Buang, 2017). Salah satu pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan memperkenalkan pendidikan keusahawanan secara meluas. Hal ini kerana pelajar yang terlibat dalam pendidikan

keusahawanan cenderung lebih inovatif, lebih berjaya serta lebih cenderung untuk memulakan perniagaan mereka di masa hadapan (European Commission 2015).

Di Malaysia, universiti-universiti awam telah melaksanakan pendidikan keusahawanan dengan menawarkan kursus asas keusahawanan kepada para pelajar. Tambahan pula, berdasarkan laporan dalam Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2016-2020 mendapati penubuhan pusat keusahawanan di semua universiti awam yang berperanan sebagai pusat untuk merancang, menilai dan memantau pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan pendidikan keusahawanan serta bertindak sebagai pusat sehenti bagi agenda keusahawanan di institusi masing-masing telah dilaksanakan. Tambahan pula, hasil pelaksanaan Pelan Strategik keusahawanan IPT 2013-2015 telah meningkatkan kepekaan dan penerimaan IPT tempatan terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan dimana tahap penglibatan dan penyertaan pelajar di dalam program dan aktiviti keusahawanan IPT yang menunjukkan peningkatan ketara daripada kurang 20% pada tahun 2011 kepada lebih 50% pada tahun 2015. Manakala, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kursus asas keusahawanan diperkenalkan untuk memberi asas pengetahuan keusahawanan serta mendorong pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai salah satu pilihan kerjaya setelah tamat pengajian.

Pelaksanaan dasar dan pelan-pelan pembangunan keusahawanan telah dilakukan namun masih terdapat sesetengah pelajar yang bependapat bahawa bidang keusahawanan ini tidak dapat memberikan jaminan masa depan yang cerah dan lebih rela untuk memilih bekerja makan gaji berbanding menceburi bidang keusahawanan (Sarebah Warman, Rohayu Roddin, Ahmad Esa, Halizah Awang, Maziana Mohamed, Azmanirah Ab. Rahman, 2010). Laporan daripada Ketua Perangkawan Malaysia iaitu Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin yang mendapati sebanyak 3.2 peratus kadar pengangguran pada tahun 2019 dan sebahagianya adalah mereka yang tidak menawarkan diri untuk bekerja sendiri dan mengharapkan pekerjaan makan gaji. Antara sebab yang mendorong mereka untuk lebih memilih pekerjaan makan gaji adalah kerana ramai graduan Malaysia enggan untuk mencuba bidang yang bukan daripada bidang yang dipelajari (Norliana Hashim, Chang Peng Kee, & Mat Pauzi Abd. Rahman 2016) dan menganggap kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya pilihan kedua atau ketiga (Norasmah dan Salmah 2011). Tambahan pula, Laporan Pengesahan Graduan 2018 mendapati 67.8 peratus daripada graduan belum bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dengan kadar peratusan yang tinggi ini menimbulkan persoalan apakah hubungan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku pelajar dengan pemilihan kerjaya keusahawanan mereka. Hal ini disebabkan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku memainkan peranan yang penting dalam bidang keusahawanan (Wan Hashim, 2008). Oleh itu, sikap pelajar terhadap kerjaya keusahawanan seharusnya diterapkan dengan baik agar bidang keusahawanan boleh dipilih sebagai salah satu peluang pekerjaan selepas mereka menamatkan pengajian (Roslinawati, Noor Fariza, Noorizda Emelia, Maryam & Rositah, 2017). Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi mengenal pasti hubungan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir prasiswazah.

### Tinjauan Literatur

Sikap keusahawanan terbahagi kepada tiga komponen iaitu kognitif, afektif, dan tingkah laku (Pulka, Aminu & Rikwentishe 2015). Dalam menentukan kejayaan usahawan, sikap merupakan elemen keperibadian yang penting dan dapat diperkuuhkan dengan komponen

kognitif dan emosi yang membawa kepada pembentukan tingkah laku untuk mendorong kepada pemilihan kerjaya keusahawanan (Mohd Salleh et al. 2005). Pemilihan kerjaya sering dikatakan sebagai satu proses yang berterusan serta melibatkan perancangan yang sentiasa berubah mengikut keperluan dan situasi mendorong individu untuk menentukan pilihan kerjaya yang diingini (Olsson 2002) dan juga sebagai bidang kerja atau jenis-jenis kerjaya yang menjadi pilihan pelajar (Abdul Ghani & Ahmad Kamil 2011). Manakala, keusahawanan ditakrifkan sebagai proses mencari dan mengambil peluang-peluang dalam pasaran dalam jangka masa panjang (Ishak, S., Raflis, A. & Omar, C. 2015). Dalam kajian-kajian keusahawanan elemen kerjaya keusahawanan ini diberi perhatian kerana ia memberi fokus kepada ciri-ciri atribut individu di samping input utama dalam proses keusahawanan (Krueger et al. 2000). Istilah kerjaya keusahawanan dalam kajian ini adalah kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar tahun akhir kerana responden kajian ini merupakan pelajar tahun akhir yang mengkhusus dalam pelbagai bidang pengajian dan telah diberikan pendedahan atas pendidikan keusahawanan sebelum mereka menamatkan pengajian.

Kajian lepas menunjukkan bahawa sekiranya pelajar tahun akhir ini diberikan pendidikan keusahawanan, mereka juga akan melahirkan sikap dan kecenderungan dalam bidang kerjaya keusahawanan. Hal ini disebabkan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku boleh meramal dan menjadi pengaruh kepada pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar serta dapat memberi kesan yang khusus kepada tindak balas, pendapat dan keyakinan seseorang terhadap kerjaya keusahawanan (Abdul Rahim 2001; Ravi N. 2015 & Roslinawati et al. 2017). Bird (1988) dan Robinson et al. (1991) turut menggunakan pendekatan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku untuk mengenal pasti keusahawanan dalam kalangan individu sebagai alternatif kepada pendekatan ciri-ciri peribadi dan demografi. Secara amnya, gabungan antara pemikiran dan perasaan terhadap individu atau sesuatu perkara akan mempengaruhi tindakan yang diambil dalam pemilihan kerjaya keusahawanan (Sudipa & Damodharan 2012).

Kajian daripada Ravi Nagarathanam dan Nor Aishah Buang (2016) keatas pelajar prasiswazah India dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, dan Infrastructure University Kuala Lumpur mendapati sikap mempunyai hubungan yang sederhana dengan pemilihan kerjaya keusahawanan dan menunjukkan bahawa sikap pelajar sangat penting untuk menentukan pemilihan kerjaya keusahawanan para pelajar. Di Nigeria, kajian daripada Fada et al. (2017) keatas pelajar tahun akhir di sebuah universiti di Gombe turut mendapati bahawa pelajar dapat menunjukkan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku yang positif terhadap pendidikan keusahawanan serta bidang keusahawanan dan menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan yang tinggi dengan kerjaya keusahawanan. Dalam kajian tersebut pelajar tahun akhir mempunyai sikap kognitif afektif dan tingkah laku yang tinggi kerana semua responden adalah merupakan pelajar dalam bidang perniagaan. Menerusi dapatan kajian lepas diatas, jelas menunjukkan bahawa sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku memainkan peranan yang penting dalam pemilihan kerjaya keusahawanan.

### Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Manakala objektif kajian adalah pertama untuk mengenal pasti tahap penerapan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku pelajar tahun akhir, kedua untuk mengenal pasti perbezaan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar tahun akhir mengikut

jantina, dan ketiga adalah untuk mengenal pasti hubungan antara sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar tahun akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).


### **Persoalan Kajian**

Terdapat tiga persoalan kajian untuk menjawab objektif kajian iaitu:

1. Apakah tahap penerapan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku pelajar tahun akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)?
2. Adakah terdapat perbezaan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berdasarkan jantina?
3. Apakah hubungan kognitif, afektif, dan tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar tahun akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)?

### **Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konseptual dalam kajian ini didasari oleh teori tingkah laku terancang Ajzen (1991). Dalam konteks kajian ini, teori tingkah laku terancang Ajzen (1991) digunakan kerana asas teoritis pendidikan keusahawanan melibatkan pembentukan sikap terhadap keusahawanan sebenarnya merupakan tingkah laku yang dirancang memandangkan usaha keusahawanan baru tidak dapat diwujudkan tanpa perancangan yang mencukupi. Tambahan pula, teori ini digunakan kerana kajian ini dijalankan berkaitan dengan tindakan individu ke arah memilih kerjaya keusahawanan. Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) menegaskan bahawa pemilihan kerjaya keusahawanan mempunyai hubungkait dengan sikap manusia. Tambahan pula, teori ini turut digunakan oleh ramai pengkaji dalam usaha menerangkan tingkah laku manusia yang jelas mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan (Dyer 1994 & Kolvereid 1996). Kerangka konseptual kajian ini dihasilkan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.



**Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Diadaptasi**

Daripada Ajzen (1991)

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini memberikan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Hasil daripada kajian dapat membantu institusi pengajian tinggi dalam memperbaiki kualiti pendidikan keusahawanan dan program-program pendidikan dan seminar berkaitan latihan dalam bidang keusahawanan dapat dijalankan dengan lebih efektif dan efisien. Hasil dapatan kajian ini juga akan dapat dimanfaatkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan memperkenalkan program berkaitan kerjaya keusahawanan di institusi pengajian tinggi sebagai subjek sokongan dan kurikulum.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk kajian menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan soal selidik sebagai instrumen. Populasi kajian adalah seramai 2,674 pelajar tahun akhir prasiswazah di Kampus Induk, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sesi 2019/2020. Teknik persampelan rawak mudah digunakan bagi menentukan sampel kajian iaitu seramai 336 responden berdasarkan pengiraan sampel Krejcie dan Morgan (1970). Data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan IBM Statiistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Item-item dalam borang soal selidik diadaptasi daripada Rudhumbu, Srotwa, Munyanyiwa & Mutsau (2016) dan Nur Zafirah (2017). Kajian rintis telah dijalankan di Kampus Induk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Seramai 30 orang pelajar tahun akhir prasiswazah sesi 2019/2020 dilibatkan dalam kajian rintis. Kesahan adalah melalui pakar dan kebolehpercayaan dinilai menggunakan Cronbach Alpha (pekali  $\alpha$ ).

## Dapatan dan Perbincangan

Penjelaskan tentang latar belakang responden dan objektif pertama adalah menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan penggunaan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi digunakan untuk menguji objektif kajian dua dan tiga menggunakan Ujian-t tidak bersandar dan korelasi Pearson.

### *Latihan Belakang Responden*

Jadual 4.1 menunjukkan dapatan analisis bagi latar belakang responden dari aspek jantina, umur, fakulti, bidang pengajian, penglibatan pelajar tahun akhir dalam aktiviti perniagaan, dan juga bila pelajar tahun akhir bercadang untuk menjalankan perniagaan.

**Jadual 4.1: Latar Belakang Responden**

Kategori	Responden	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	108	32.1
	Perempuan	228	67.9
Umur	22	58	17.3
	23	151	44.9
	24	106	31.5
	25	21	6.3
	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian (FSSK)	42	12.5
Fakulti	Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM)	42	12.5
	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP)	42	12.5
	Fakulti Sains dan teknologi (FST)	42	12.5
	Fakulti Pengajian Islam (FPI)	42	12.5
	Fakulti Pendidikan (FPEND)	42	12.5
	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB)	42	12.5
	Fakulti Undang-Undang (FUU)	42	12.5

Bidang Pengajian  Adakah anda terlibat dalam aktiviti perniagaan sekarang?	Sains	84	25.0
	Sains Sosial	210	62.5
	Teknikal	42	12.5
	Ya	114	33.9
Bilakah anda bercadang untuk menjalankan perniagaan?	Tidak	222	66.1
	Setelah Bergraduat	96	28.6
	Setahun Setelah Bergraduat	32	9.5
	Dua Tahun Setelah Bergraduat	8	2.4
	Lima Tahun Setelah Bergraduat	120	35.7
	Tidak Bercadang untuk menjalankan perniagaan	80	23.8

Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati 32.15 (108 orang) adalah responden lelaki manakala 67.9% (228 orang) adalah responden perempuan daripada jumlah keseluruhan iaitu 336 responden kajian. Majoriti responden berumur 23 tahun iaitu 44.9% (151 orang) dan paling kurang adalah pelajar tahun akhir yang berumur 25 tahun iaitu 6.3% (21 orang) sahaja. Aspek kekerapan dan peratus bagi kategori fakulti pula adalah sama iaitu 12.5% (42 orang) bagi setiap fakulti yang dikaji. Terdapat 25% (84 orang) responden daripada bidang pengajian sains, 62.5% (210 orang) daripada bidang pengajian sains sosial, dan 12.5% (42 orang) responden daripada bidang pengajian teknikal. Manakala bagi kategori penglibatan pelajar tahun akhir dalam aktiviti perniagaan menunjukkan majoriti tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan iaitu seramai 66.1% (222 orang) dan hanya 33.9% (114 orang) responden sahaja yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Dapatkan turut menunjukkan majoriti pelajar tahun akhir bercadang untuk memulakan perniagaan lima tahun setelah bergraduat iaitu 35.7% (120 orang) dan paling kurang memilih untuk memulakan perniagaan dua tahun setelah bergraduat iaitu hanya 2.4% (8 orang) sahaja.

### **Tahap Penerapan Sikap Kognitif, Afektif, Tingkah Laku**

Berdasarkan persoalan pertama iaitu apakah tahap penerapan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku dalam kalangan pelajar tahun akhir, data dianalisis menggunakan min dan sisihan piawai. Pengkaji menggunakan pentaksiran min yang dibangunkan oleh Norasmah dan Salmah (2011).

### **Tahap Penerapan Sikap Kognitif**

Dapatkan analisis mendapati tahap penerapan sikap kognitif adalah pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.46 ( $SP=0.80$ ). Hasil analisis menunjukkan nilai min tertinggi ialah item B8 iaitu melalui program keusahawanan universiti, pengetahuan dan minat saya dalam keusahawanan telah bertambah baik dengan nilai min 3.64 ( $SP=0.72$ ). Nilai min terendah pula ialah 3.30 ( $SP=0.83$ ) bagi item B4 iaitu disebabkan program pendidikan keusahawanan di universiti, saya kini mempunyai kemahiran untuk dapat mencipta perniagaan baru. Ini menunjukkan bahawa pelajar tahun akhir mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang sederhana terhadap program keusahawanan yang ditawarkan di universiti dimana

program tersebut hanya dapat menambah pengetahuan dan minat pelajar tahun akhir dalam keusahawanan namun tidak dapat meningkatkan kemahiran mereka untuk dapat mencipta perniagaan baru. Hasil kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian Ediagbonya (2013) dan Fada et al. (2017) yang mendapati tahap penerapan sikap kognitif adalah tinggi dan pelajar dapat menambah pengetahuan, minat dan kemahiran mencipta perniagaan baru dengan baik. Hal ini kerana pelajar yang telah didedahkan dengan pendidikan keusahawanan dapat meningkatkan pengetahuan, minat dan kemahiran mereka serta dapat memberikan impak positif terhadap kerjaya keusahawanan. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh faktor responden yang pelbagai bidang dimana dalam kajian lepas tersebut responden adalah terdiri daripada program perniagaan sahaja.

**Jadual 4.4: Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Tahap Penerapan Kognitif Pelajar Tahun Akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

No. <b>Item</b>	<b>Item Kognitif</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Interpretasi</b>
B1	Kursus keusahawanan UKM telah membolehkan saya mengenal pasti peluang berkaitan perniagaan.	3.47	0.77	Sederhana
B2	Kursus keusahawanan yang saya ambil di universiti telah mengajar saya untuk membuat perkhidmatan dan produk yang dapat memenuhi keperluan pelanggan.	3.39	0.88	Sederhana
B3	Kursus keusahawanan UKM telah mengajar saya untuk membangunkan pelan perniagaan dengan jayanya	3.45	0.77	Sederhana
B4	Disebabkan program pendidikan keusahawanan di universiti, saya kini mempunyai kemahiran untuk dapat mencipta perniagaan baru	3.30	0.83	Sederhana
B5	Melalui program pendidikan keusahawanan universiti yang saya ambil, saya kini boleh berjaya mengenal pasti sumber kewangan perniagaan	3.51	0.77	Sederhana
B6	Program pendidikan keusahawanan universiti telah mengajar saya untuk melakukan kajian kemungkinan	3.43	0.88	Sederhana
B7	Kursus keusahawanan universiti telah merangsang minat saya dalam bidang keusahawanan	3.37	0.80	Sederhana
B8	Melalui program keusahawanan universiti, pengetahuan dan minat saya dalam keusahawanan telah bertambah baik	3.64	0.72	Sederhana
B9	Secara keseluruhan, saya sangat berpuas hati dengan bagaimana program pendidikan keusahawanan diajar dalam UKM	3.59	0.76	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.46</b>	<b>0.80</b>	<b>Sederhana</b>

**Tahap Penerapan Sikap Afektif**

Dapatkan analisis mendapati tahap penerapan sikap afektif pelajar tahun akhir adalah pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.22 (SP=0.79). Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai min tertinggi ialah item C2 iaitu idea untuk menjadi seorang usahawan dan bekerja sendiri adalah menarik bagi saya dengan nilai min 3.30 (SP=0.79). Nilai min terendah pula ialah item C1 iaitu saya ingin menjadi seorang usahawan selepas tamat pengajian dengan nilai min 3.13 (SP=0.80). Ini bermaksud pelajar tahun akhir menganggap ataupun berpendapat bahawa menjadi seorang usahawan dan bekerja sendiri adalah sesuatu pekerjaan yang menarik tetapi mereka tidak mahu menjadi seorang usahawan. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Rudhumbu et al. (2016) yang mendapati pelajar rasa bekerja sendiri adalah menarik dan seronok namun kebanyakkan responden tidak mahu untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor kewangan dan pelajar tidak berani untuk mengambil risiko kerugian. Namun berbeza dengan dapatan kajian daripada Mapfaira dan Setibi (2014) yang mendapati tahap penerapan sikap afektif adalah tinggi dan 73 peratus daripada responden mahu menjadi usahawan serta mempunyai perniagaan sendiri. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor responden yang berbeza iaitu keseluruhan responden adalah pelajar-pelajar program keusahawanan.

**Jadual 4.5: Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Tahap Penerapan Afektif Pelajar Tahun Akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

No. Item	Item Afektif	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
C1	Saya ingin menjadi seorang usahawan selepas tamat pengajian.	3.13	0.80	Sederhana
C2	Idea untuk menjadi seorang usahawan dan bekerja sendiri adalah menarik bagi saya	3.30	0.79	Sederhana
C3	Saya benar-benar menganggap bekerja sendiri sebagai sesuatu yang sangat penting	3.29	0.78	Sederhana
C4	Program keusahawanan di UKM telah mempersiapkan diri saya untuk mewujudkan kerjaya dalam bidang keusahawanan	3.14	0.79	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.22</b>	<b>0.79</b>	<b>Sederhana</b>

**Tahap Penerapan Tingkah Laku**

Dapatkan analisis mendapati tahap penerapan tingkah laku adalah pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.36 (SP=0.80). Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai min tertinggi ialah item D1 iaitu saya menyukai kuliah mengenai keusahawanan seperti yang ditawarkan di universiti dengan nilai min 3.74 (SP=0.79). Nilai min terendah pula ialah item D6 iaitu saya ikhlas menganggap keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang diingini dengan nilai min 2.81 (SP=0.89). Ini bermaksud bahawa pelajar tahun akhir dapat menunjukkan tindak balas atau respon yang baik terhadap pendidikan keusahawanan yang ditawarkan di universiti namun kurang cenderung untuk memilih kerjaya keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang diingini. Dapatkan kajian daripada Fada et al. (2017) selari dengan hasil kajian ini iaitu pelajar

menganggap keusahawanan adalah subjek yang penting dan memberikan respon yang baik kepada pendidikan keusahawanan namun bagi respons pelajar terhadap kerjaya keusahawanan pula berbeza iaitu responden dalam kajian Fada et al. (2017) mahu memilih kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Hal ini mungkin disebabkan latar belakang responden yang pelbagai bidang dalam kajian ini.

**Jadual 4.6: Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Tahap Penerapan Tingkah Laku Pelajar Tahun Akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

No. Item	Item Tingkah Laku	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
D1	Saya menyukai kuliah mengenai keusahawanan seperti yang ditawarkan di universiti.	3.74	0.79	Sederhana
D2	Kuliah mengenai keusahawanan yang saya terima di UKM telah meningkatkan minat saya untuk meneruskan kerjaya keusahawanan.	3.10	0.88	Sederhana
D3	Saya menganggap keusahawanan sebagai kursus yang sangat penting di universiti.	3.52	0.81	Sederhana
D4	Kursus pendidikan keusahawanan yang telah saya lalui di UKM telah membolehkan saya untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat mengenai pilihan kerjaya keusahawanan.	3.23	0.77	Sederhana
D5	Saya gembira kerana dapat mengambil pendidikan keusahawanan di UKM	3.51	0.84	Sederhana
D6	Saya ikhlas menganggap keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang diingini	2.81	0.89	Rendah
D7	Pendidikan keusahawanan yang saya terima di UKM telah mendorong saya untuk mencebur keusahawanan selepas tamat pengajian.	3.28	0.90	Sederhana
D8	UKM dan pensyarah keusahawanan saya telah membantu saya bertemu dan berinteraksi dengan usahawan yang berjaya.	3.52	0.69	Sederhana
D9	UKM dan kakitangan keusahawannya membantu para pelajar untuk berjumpa usahawan yang berjaya yang memberi motivasi kepada pelajar untuk menjadi usahawan.	3.59	0.66	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.36</b>	<b>0.80</b>	<b>Sederhana</b>

#### **Perbezaan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Jantina.**

Berdasarkan persoalan kedua iaitu apakah perbezaan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir mengikut jantina, data statistik inferensi dianalisis menggunakan ujian-t tidak bersandar. Ujian-t tidak bersandar digunakan kerana persoalan kajian ini membuat

perbezaan kumpulan yang tidak sama iaitu lelaki dan perempuan dan andaian ujian parametrik t-test dipenuhi.

**Jadual 4.5: Perbezaan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar  
Tahun Akhir Mengikut Jantina**

Demografi	Faktor	N	Min	Sisihan Piawai	Darjah Kebebasan	t	Sig.
Jantina	Lelaki	108	3.35	0.87	334	0.896	0.371
	Perempuan	228	3.43	0.80			

\*\*Aras Signifikan,  $p < .05$

Hasil ujian statistik mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemilihan kerjaya keusahawanan diantara lelaki dan perempuan kerana nilai sig. lebih besar daripada 0.05,  $t(334)=0.0896$ ,  $p>.05$ . Dari segi min menunjukkan bahawa pelajar tahun akhir perempuan ( $\text{min}=3.43$ ,  $\text{SP}=0.80$ ) mempunyai kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki ( $\text{min}=3.35$ ,  $\text{SP}=0.87$ ). Hasil dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Rudhumbu et al. (2016) yang mendapati pelajar lelaki lebih cenderung untuk memilih kerjaya keusahawanan berbanding pelajar perempuan. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor trend semasa dimana pelajar perempuan pada masa kini lebih yakin dan lebih komited untuk menjadi seorang usahawan berbanding lelaki.

#### ***Hubungan Sikap Kognitif, Afektif, dan Tingkah Laku Dengan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan***

Berdasarkan persoalan kajian ketiga iaitu apakah hubungan antara sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar tahun akhir, data statistik inferensi dianalisis menggunakan ujian korelasi pearson kerana persoalan kajian ini mengenal pasti hubungan satu pembolehubah dan andaian normaliti dipenuhi. Pengkaji menggunakan pentaksiran pekali korelasi yang dibangunkan oleh Alias Baba (1998).

**Jadual 4.6: Hubungan Diantara Kognitif, Afektif, dan Tingkah Laku dengan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Tahun Akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).**

#### **Correlations**

		Afektif	Kognitif	Tingkah Laku	Pemilihan Kerjaya Keusahawanan
Afektif	Pearson Correlation	1	.844**	.855**	.849**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000
	N	336	336	336	336
Kognitif	Pearson Correlation	.844**	1	.887**	.837**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000
	N	336	336	336	336
Tingkah Laku	Pearson Correlation	.855**	.887**	1	.889**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000

	N	336	336	336	336	336
Pemilihan Kerjaya	Pearson Correlation	.849**	.837**	.889**		1
Keusahawanan	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		
	N	336	336	336		336

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Keputusan ujian korelasi pearson adalah terdapat hubungan yang sangat tinggi diantara sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar tahun akhir. Manakala arah hubungan adalah positif kerana nilai pekali korelasi positif. Hubungan sikap tingkah laku dengan pemilihan kerjaya keusahawanan mencatatkan hubungan paling kuat dan positif dimana hubungan ini memperolehi korelasi koefisien,  $r(336) = 0.889$ ;  $p<0.01$ . Manakala hubungan sikap afektif dengan pemilihan kerjaya keusahawanan pula mencatatkan korelasi koefisien,  $r(336) = 0.849$ ;  $p<0.01$ . Hubungan kognitif dengan pemilihan kerjaya keusahawanan pula mencatatkan korelasi koefisien,  $r(336) = 0.837$ ;  $p<0.01$ . Ini bermakna apabila pelajar dapat menerapkan sikap kognitif, afektif dan tingkah laku dengan baik, maka pelajar akan lebih cenderung untuk memilih kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian daripada Pulka et al. (2014) iaitu sikap pelajar terhadap apa yang dipelajarinya dalam pendidikan keusahawanan mempunyai hubungan dengan kecenderungan pemilihan kerjaya dan tingkah laku keusahawanan. Hal ini menunjukkan bahawa sikap terhadap pendidikan keusahawanan akan mendorong individu untuk mempunyai keyakinan, melahirkan pendapat atau perasaan dan bertindak balas terhadap pendidikan yang diterima seterusnya dapat meningkatkan kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan mereka.

### Implikasi dan Cadangan

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori Ajzen (1991). Melalui dapatan kajian ini, ia dilihat menyokong aspek yang disebut dalam teori ini iaitu dikatakan pemilihan kerjaya keusahawanan mempunyai hubungan dengan sikap pelajar. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa sikap afektif, kognitif, dan tingkah laku mempunyai hubungan dengan kerjaya keusahawanan pelajar tahun akhir. Selain daripada itu, pengkaji juga telah mengenal pasti beberapa implikasi dan cadangan terhadap pihak-pihak yang berkaitan, khususnya bagi pensyarah keusahawanan dan pihak pentadbir universiti berkaitan dengan penerapan sikap kognitif, afektif dan tingkah laku pelajar terhadap kerjaya keusahawanan. Hasil kajian ini dapat memberi kesedaran dan panduan yang jelas kepada pensyarah keusahawanan bahawa pembentukan sikap afektif, kognitif, dan tingkah laku melalui pendidikan keusahawanan adalah penting untuk meningkatkan kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Seterusnya, sokongan yang berterusan juga perlu daripada pihak petadbir universiti bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan keusahawanan dapat dilaksanakan dengan lancar. Tambahan pula, dapatan kajian ini turut membolehkan perancangan dibuat dan dilaksanakan bagi menyokong pendidikan keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang merupakan wadah ke arah melahirkan golongan usahawan dalam kalangan graduan. Diharapkan dapatan ini dapat memberi input yang berguna bagi meningkatkan lagi keberkesanannya pendidikan keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dicadangkan agar kajian seterusnya dapat melihat pengaruh sikap afektif, kognitif, dan tingkah laku terhadap kerjaya keusahawanan dan memperluaskan skop kajian yang tidak hanya tertumpu kepada pelajar tahun akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia

sahaja tetapi juga melibatkan semua universiti awam di Malaysia. Pengkaji akan datang juga boleh membuat perbandingan sikap pensyarah dan pelajar terhadap pendidikan keusahawanan agar dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih lengkap supaya penambah baikan dapat dirancang bagi menjadikan keusahawanan sebagai kursus dan keutamaan pilihan kerjaya pelajar.

### Kesimpulan

Secara umumnya berdasarkan dapatan kajian ini dan kajian-kajian yang lepas, pemilihan kerjaya keusahawanan berhubungkait dengan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku pelajar. Namun, pengkaji berpendapat bahawa hubungan ini harus dilihat dari sudut yang proaktif. Para pelajar sepatutnya diajar agar bersedia dengan risiko yang mungkin dihadapi dalam situasi sebenar dan mendorong mereka untuk lebih banyak terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sebenar bukan hanya teori sahaja. Dengan pendekatan tersebut para pelajar khususnya pelajar tahun akhir dapat pengalaman dan merasai secara praktikal bagaimana aktiviti keusahawanan dijalankan dan dapat meningkatkan tahap kesediaan mereka untuk memulakan perniagaan setelah tamat pengajian. Penerapan sikap yang positif secara berterusan juga perlu ditingkatkan lagi kerana akan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar dan disusuli dengan tingkahlaku terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan. Sehubungan dengan itu, para pendidik keusahawanan harus memberikan penekanan lebih kepada pembentukan sikap kognitif, afektif, dan tingkah laku yang positif terhadap kerjaya keusahawanan. Usaha institusi pendidikan juga tidak seharusnya terhenti dalam mendorong para pelajar untuk lebih cenderung menceburi kerjaya keusahawanan. Selain itu, semua pihak juga perlu bekerjasama untuk berusaha mencapai matlamat untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama oleh graduan dan merealisasikan aspirasi negara dalam menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan menjelang 2030.

### Rujukan

- Abdul Ghani, F., & Ahmad K., N. R. (2011). Tret Personaliti dan Faktor Pemilihan Kerjaya dalam Bidang Perguruan di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdul, R. A. R. (2001). Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Cergas (M) Sdn. Bhd.
- Ajzen, I. (1991). Theory of planned behaviour. *Organizational Behaviour and Human Decision Processes*, 50, 179–211.
- Bird, B. & Jelinek, M. (1988). The operation of entrepreneurial intention. *Entrepreneurship theory and practice*. 13(2): 21-29.
- Dyer, W.G. (1994). Toward a theory of entrepreneurial careers, *Entrepreneurship Theory and Practice*, 19(2), 7-21.
- European Commission. (2015). Entrepreneurship Education: A road to success, On line at:[http://ec.europa.eu/growth/toolsdatabases/newsroom/cf/itemdetail.cfm?item\\_id=8056&lang=en](http://ec.europa.eu/growth/toolsdatabases/newsroom/cf/itemdetail.cfm?item_id=8056&lang=en).
- Ediagbonya, K. (2013). The roles of entrepreneurship education in ensuring economic empowerment and development. *Journal of Business Administration and Education*, 4(1).72-90
- Faraliyana, R., & Aisyah, B. (2017). Perbandingan Tahap Sikap Keusahawanan, Sumber Dorongan, dan Efikasi Kendiri dengan Tahap Aspirasi Keusahawanan Mahasiswa

Jurusan Ekonomi, UKM, UPM dan USIM. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE) 1(1): 29–38.

- Ishak, S., Raflis, A. & Omar, C. (2015). Keusahawanan sosial sebagai satu pendekatan inovatif ke arah transformasi sosial masyarakat: Kajian kes di Malaysia (Social entrepreneurship as an innovative approach in community social transformation: A Malaysian case study). Keusahawanan sosial sebagai satu pendekatan inovatif ke arah transformasi sosial masyarakat: Kajian kes di Malaysia (Social entrepreneurship as an innovative approach in community social transformation: A Malaysian case study) 11(8): 38–51.
- Kolvereid, L. (1996). Organizational employment versus self- employment: reasons for career choice intentions. Entrepreneurship theory and practice. 20(3): 23-31.
- Krejei, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research educational and psychological measurement.
- Krueger, N. F., Reilly, M. D., & Carsrud, A. L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions. Journal of Business Venturing 15(5): 411-432.
- Mapfaira, H. & Setibi, G. (2014). Enterprise and entrepreneurship education: Promoting an enterprising culture among students. Retrieved from [www.fes-botswana.org](http://www.fes-botswana.org).
- Mohd. Salleh, D., Hoe, C. H., Norashidah, H., Oii, Y. K., Shuymee, A., Hasbah, B., Norita, D., Rosli, M., Armanurah, M., Lily J. A. B., & Muhammad, N. M. H. (2005). Asas Keusahawanan. Kuala Lumpur: Thomson Learning.
- Noorizda, E. M. A., Norazman, H., Maryam, M. E, Mohd, R. Y., & Anis, A. A. R. (2018). Pendidikan keusahawanan di institusi pengajian tinggi (ipt) dalam melahirkan usahawan berjaya di malaysia 1: 73–85.
- Norasmah, H. O., & Salmah, I. (2011). Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi skim usahawan siswa. Jurnal Teknologi 56: 47-63
- Norliana, H., Chang, P. K., & Mat Pauzi, A. R. (2016). Stops: Mengungkai Isu Kebolehpasaran Graduan Di Malaysia. Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication. Jilid 32 (2): 139-164.
- Nur Zafirah, A. R. (2017). Impak Kursus Keusahawanan TerhadapKecenderungan Pelajar Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Olsson, B. (2002). Breaking the boundaries of careers. A study of the mobility effects of a program for career counselling. Kertas pembentangan dalam 14th annual meeting of the society for advancement of socio-economics, Minnesota: 27–30 Jun. <http://www.sase.org/conf2002.papers.f002.olsson.pdf>.
- Pulka B. M, Rikwentishe. R & Ibrahim. B, (2014). An evaluation of students' attitude towards entrepreneurship education in some selected Universities In North East Nigeria. Global Journal Of Management And Business Research: A Administration And Management Volume 14 Issue 8 Version 1.0.
- Pulka, B.M, Aminu, A.A. & Rikwentishe, R. (2015). The Effects of Entrepreneurship Education on University Students' Attitude and Entrepreneurial Intention. European Journal of Business and Management, 7 (20),149-157
- Ravi, N., & Nor Aishah, B. (2015). Potensi dan peningkatan kejayaan usahawan wanita di Malaysia. Paper presented at Kolokium Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan, organized by Politeknik METRO Johor Bahru, 3 June, Johor Bahru
- Ravi, N., & Nor Aishah, B. (2016). The relationship between attitude, intention, and entrepreneurship career choice among Malaysian Indian undergraduates. Akademika 86(2): 43-52

- Robinson B.P., Stimpson D.V., Huefner J.C. & Hunt H.K.. (1991). An attitude approach to the prediction of entrepreneurship. *Journal of Entrepreneurship Theory and Practice* 1 (54): 13-20.
- Roslinawati, I., Noor Fariza, M. H., Noorizda, E. M. A., Maryam, M. E. & Rositah, K. (2018). Faktor Pendorong Pemilihan Program Keusahawanan di Negeri Melaka. *Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan, Kolej Universiti Islam Melaka. Jurnal Inovasi Perniagaan* Volume 2 No. 2/ 2017: 61-82
- Rudhumbu, N., Svtwa, D., Munyanyiwa, T., & Mutsau, M. (2016). Attitudes of students towards entrepreneurship education at two Selected higher education institutions in Botswana: A Critical Analysis and Reflection. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*. 5(2), 83-94
- Sarebah, W., Rohayu, R., Ahmad, E., Halizah, A., Maziana, M., & Azmanirah, A. R. (2010). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan* 25-26 September 2010.
- Sudipa, M. & Damodharan, V. (2012). Students' attitude towards entrepreneurship: does gender matter in the UAE? *Foresight* 15(4): 278-293.
- Wan, H., W.N.D. (2008). Faktor Penghalang Terhadap Kesediaan Menjadi Usahawan. *Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda*.